

## Soalan Lazim

### Takaful Kebakaran Jangka Panjang.

**1. Apa itu Takaful Kebakaran Jangka Panjang?**

Takaful Kebakaran Jangka Panjang menawarkan perlindungan kepada bangunan rumah anda (kediaman persendirian) daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat dan letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik. Perlindungan banjir juga disertakan di bawah sijil asas kebakaran.

**2. Apakah manfaat yang ditawarkan dalam pelan ini?**

Ringkasan manfaat adalah seperti di bawah:

Jenis Manfaat
Kebakaran
Kilat
Letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik
Banjir

**3. Adakah terdapat manfaat yang saya boleh nikmati dengan sumbangan tambahan?**

Anda boleh mempertingkatkan perlindungan anda dengan membayar sumbangan tambahan untuk manfaat di bawah:

Jenis Manfaat
Pecahan atau limpahan tangki peralatan atau paip air rumah
Ribut dan taufan
Gempa bumi dan letusan gunung berapi
Penanggalan dan gelinciran tanah
Kerosakan akibat pokok tumbang atau dahan atau objek daripadanya

Tempoh perlindungan manfaat tambahan adalah untuk tempoh setahun sahaja. Anda perlu memperbaharui perlindungan manfaat tambahan anda setiap tahun. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Etiqa Unit Perniagaan Kerajaan.

**Nota:** Sila rujuk sijil takaful anda untuk maklumat lanjut mengenai manfaat di atas. Sebarang penambahan bagi perlindungan manfaat tambahan perlu mendapat kelulusan daripada pihak 'underwriter'.

**4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?**

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar adalah dikira berdasarkan jumlah yang dilindungi dan manfaat tambahan yang diperlukan.

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk pada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Pastikan anda menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

**5. Adakah perlindungan ini termasuk perlindungan isi rumah saya?**

Tidak. Perlindungan ini hanya untuk bangunan rumah sahaja.

**6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah sijil ini?**

Sijil ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

Pengecualian
Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pemecahan atau limpahan tangki peralatan atau paip air
Ribut, puting beliung dan angin taufan
Gempa bumi dan letusan gunung berapi
Penenggelaman dan gelinciran tanah
Pembakaran harta benda atas perintah pihak berkuasa
Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh perang atau risiko seumpamanya
Kerosakan disebabkan oleh keganasan
Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pencemaran radioaktif, radiasi nuklear atau risiko seumpamanya

**Nota:** Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful anda untuk senarai pengecualian yang menyeluruh.

**7. Adakah saya perlu membayar cukai perkhidmatan?**

Ya. 8% daripada jumlah sumbangan.

**8. Dari manakah saya boleh mendapatkan perincian mengenai produk ini?**

Anda boleh merujuk portal dalam talian Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) dan laman sesawang Etiqa untuk sijil takaful dan Helaian Pendedahan Produk (PDS).

**9. Bolehkan saya membatalkan sijil saya?**

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada Lembaga Pembiayaan Sektor Awam(LPPSA). Setelah mendapat pengesahan oleh Lembaga Pembiayaan Sektor Awam(LPPSA), kami akan membayar balik sumbangan berdasarkan tempoh takaful yang belum luput.

**10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat perhubungan saya?**

Anda disarankan untuk memaklumkan sebarang perubahan maklumat perhubungan anda kepada kami agar anda dapat menerima semua komunikasi yang kami hantarkan kepada anda tepat pada masanya.

**11. Apakah yang perlu saya lakukan untuk menambah nilai perlindungan bangunan rumah saya?**

Anda boleh menghubungi kami melalui talian kami di 1300-13-8888 atau mengunjungi mana-mana cawangan Etiqa yang berdekatan untuk menambah nilai perlindungan bangunan rumah anda.

Harap maklum bahawa sekiranya penambahan nilai perlindungan bangunan rumah anda, nilai sumbangan akan ditingkatkan. Penambahan nilai perlindungan bangunan rumah anda juga tertakluk pada kelulusan pihak 'underwriter'.

Anda perlu memastikan harta anda dilindungi pada jumlah yang secukupnya sepanjang masa, dengan mengambil kira pengubahsuaian dan penambahbaikan yang dilakukan. Amaun yang dilindungi mesti melindungi kos membina semula rumah anda sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan.

**12. Adakah terdapat pelan perlindungan Etiqa yang Lain untuk melindungi isi rumah?**

Ya. Etiqa Takaful Pemilik Rumah.

Anda boleh layari laman sesawang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) untuk maklumat lebih lanjut.

**13. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut atau jika saya ingin menambah perlindungan manfaat tambahan untuk sijil takaful saya?**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau ingin menambah perlindungan manfaat tambahan, sila hubungi kami di :

**Etiqa Unit Perniagaan Kerajaan**  
No. 15&15A  
Jalan P8G1, Presint 8  
62000 Putrajaya  
Wilayah Persekutuan  
Nombor telefon : +603 8861 6862/ 6772/  
6362/ 6172  
Nombor faksimile : +603 8861 6782  
Email : [ftbusiness.gta@etiqa.com.my](mailto:ftbusiness.gta@etiqa.com.my)

**Etiqa General Takaful Berhad**  
(201701025031)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan  
Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia  
oleh Bank Negara Malaysia)  
Aras 7, Menara B, Dataran Maybank  
No. 1, Jalan Maarof  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia  
Nombor Telefon: +603 2297 3888  
Nombor Faksimile: +603 2297 3800

**Etiqa Online: 1300 13 8888**  
E-mel: [info@etiqa.com.my](mailto:info@etiqa.com.my)  
Laman Web: [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my)